

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 20 JULAI 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku
Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

This week is a busy week for us. We will be organizing various programs and the highlight is the **Asian Cup Woodball Championship and the 7th Malaysia International Open Woodball** in conjunction with His Royal Highness 68th Birthday Celebration.

The Malaysian Woodball Association has given the honor to UniMAP as a co-organizer for this prestigious event.

In this competition, we have received nearly 400 entries from 15 countries and 140 participants are local and the remaining entries are from overseas.

This is the opportunity for us to promote UniMAP at the international arena. And it is my hope that we will give the best hospitality to the participants during their stay. This is

important because as the UniMAP ambassador, your behavior reflects the image of our university.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kontinjen UniMAP yang telah berjaya muncul juara Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) Kali Ke-36 untuk kali keempat berturut-turut yang berlangsung di Universiti Teknikal Melaka (UTEM) pada 8 Julai hingga 17 Julai lalu.

Saya amat berbangga kerana kita dapat mengekalkan kejuaraan ini untuk empat tahun berturut-turut walaupun pada tahun lalu kita terpaksa berkongsi tempat pertama bersama Universiti Sains Malaysia dan diharap kita akan muncul johan lagi pada tahun hadapan.

Hadirin sekalian,

Pada Isnin lalu, saya telah terpilih untuk mewakili 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia untuk menerima Skim Dana Penyelidikan Fundamental (FRGS) bernilai RM99 juta.

Majlis penyerahan cek dana berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah; Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Ab. Rahim Mohd. Noor dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Dato' Prof. Dr Rujhan Mustaffa

Ini merupakan satu penghormatan bukan sahaja kepada saya tetapi juga kepada UniMAP sebagai sebuah universiti muda untuk mewakili semua IPTA dalam Malaysia ini untuk menerima Skim Dana Penyelidikan Fundamental (FRGS) tersebut.

Dana ini akan diagih-agihkan di kalangan IPTA di seluruh Malaysia bagi menjalankan lebih banyak penyelidikan yang mampu memberikan impak kepada masyarakat sekali gus meningkatkan ekonomi negara dan saya berharap agar penyelidik kita juga akan terus menjalankan penyelidikan yang dapat membawa impak besar dalam membangunkan negara kita selain daripada mengharumkan nama UniMAP.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Anak Muda Memakan Tapai

Tapai Dibuat Dengan Ragi

Sasaran Tahun Ini Sudah Tercapai

Moga Tahun Depan Johan Lagi

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.